

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT  
KEMPEN “CIMB OCTO APP QR CASHBACK”**

**Tempoh Kempen**

1. Kempen “**CIMB OCTO App QR Cashback**” (“**Kempen**”) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.
2. Kempen akan bermula pada **1<sup>hb</sup> September 2025** pada **jam 00:01 (GMT+8)** dan berakhir pada **31<sup>hb</sup> Disember 2025** pada **jam 23:59 (GMT+8)**, kedua-dua tarikh termasuk (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis awal yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalender untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tamat Tempoh Kempen dan/atau Bulan Kempen (*yang mana berkenaan*).

**Kelayakan**

4. **Pengguna individu Aplikasi CIMB OCTO CIMB** (“**Aplikasi CIMB OCTO**”) **baharu dan sedia ada** yang mempunyai Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i CIMB (“**CASA/-i**”) yang aktif dan sah layak untuk menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”).
5. Kategori individu/entiti berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini: -
  - a. Pelanggan yang telah diadjudikasi bankrap atau menjadi subjek sebarang prosiding undang-undang yang mungkin mempunyai kesan buruk yang material terhadap solvensi atau kedudukan kewangan mereka;
  - b. Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti mana yang mungkin ditentukan oleh CIMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, pertubuhan amal/bukan untung, persatuan, dan perkongsian profesional; dan/atau
  - c. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
6. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori individu/entiti yang dikecualikan di atas

**Hadiah**

7. Hadiah berikut tersedia kepada Pemenang (selepas ini ditakrifkan pada **Klausula- Klausula 13 hingga 14** di bawah) Kempen ini: -

Penerangan Hadiah	Jumlah amaun Pulangan Tunai tersedia kepada Pemenang
RM0.50 Pulangan Tunai (“ <b>Pulangan Tunai Harian</b> ”)	RM500,000
RM5.00 Pulangan Tunai (“ <b>Pulangan Tunai Kejutan</b> ”)	RM50,000
RM50.00 Pulangan Tunai (“ <b>Pulangan Tunai Bulanan</b> ”)	RM50,000

Hadiah di atas hendaklah dipenuhi oleh CIMB menurut cara yang dinyatakan di **Klausula-Klausula 15 hingga 29** di bawah.

8. Setiap Peserta Layak berhak memenangi Pulangan Tunai Harian bernilai maksimum RM8 untuk setiap bulan Tempoh Kempen (iaitu, September 2025, Oktober 2025, November 2025 dan Disember 2025) (“**Bulan Kempen**”) DAN satu (1) Pulangan Tunai Bulanan semasa Tempoh Kempen, tertakluk sentiasa kepada jumlah Pulangan Tunai tersedia.

## Mekanik Kempen

9. Untuk berpeluang memenangi Hadiah, Peserta Layak mesti melakukan sekurang-kurangnya satu (1) pembayaran yang berjaya kepada mana-mana transaksi '**DuitNow QR Payment-to-Local Merchant**' dengan transaksi minimum RM10.00 melalui Aplikasi CIMB OCTO menggunakan fungsi '**DuitNow QR**' yang terdapat pada aplikasi tersebut ("Transaksi Layak").
10. Semua Transaksi Layak hendaklah dilakukan melalui Aplikasi CIMB OCTO dan menggunakan dana daripada mana-mana CASA/-i Peserta Layak ("Akaun Penyertaan").
11. Penjejakkan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakamkan dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
12. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh CIMB sama ada mana-mana transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan sedemikian tidak akan dicabar dalam apa cara sekalipun.

## Pemilihan Pemenang

### Pemilihan Pemenang:

13. "Pemenang" (yang terdiri daripada Pemenang Pulangan Tunai Harian, Pemenang Pulangan Tunai Kejutan dan Pemenang Pulangan Tunai Bulanan, seperti yang ditakrifkan di bawah) hendaklah dipilih berdasarkan siapa cepat dia dapat, mengikut cara yang dinyatakan di bawah: -

Hadih	Tempoh	Pemilihan Pemenang
Pulangan Tunai Harian (RM0.50)	1 <sup>hb</sup> September 2025 – 31 <sup>hb</sup> Disember 2025	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sebanyak 8,197 Peserta Layak setiap hari, seperti yang ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicara tunggalnya, yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam <b>Klausa-Klausa 9 hingga 10</b> di atas sepanjang Tempoh Kempen, akan diisyiharkan sebagai "<b>Pemenang Pulangan Tunai Harian</b>"</li><li>• Kelayakan tersebut adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Pulangan Tunai Harian dan Pulangan Tunai Harian maksimum yang ditetapkan dalam <b>Klausa 8</b> di atas.</li></ul>
Pulangan Tunai Kejutan (RM5)	Bulan Kempen 1: 1 <sup>hb</sup> September 2025 – 30 <sup>hb</sup> September 2025  Bulan Kempen 2: 1 <sup>hb</sup> Oktober 2025 – 31 <sup>hb</sup> Oktober 2025  Bulan Kempen 3: 1 <sup>hb</sup> November 2025 – 30 <sup>hb</sup> November 2025  Bulan Kempen 4: 1 <sup>hb</sup> Disember 2025 – 31 <sup>hb</sup> Disember 2025	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Setiap Peserta Layak ke-8,000</b> setiap hari yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam <b>Klausa-Klausa 9 hingga 10</b> di atas semasa setiap Bulan Kempen akan diisyiharkan sebagai "<b>Pemenang Pulangan Tunai Kejutan</b>".</li><li>• Maksimum 2,500 Pemenang Pulangan Tunai Kejutan akan dipilih setiap Bulan Kempen untuk menerima Pulangan Tunai Kejutan</li></ul>
Pulangan Tunai Bulanan (RM50)	Bulan Kempen 1: 1 <sup>hb</sup> September 2025 – 30 <sup>hb</sup> September 2025  Bulan Kempen 2: 1 <sup>hb</sup> Oktober 2025 – 31 <sup>hb</sup> Oktober 2025	<ul style="list-style-type: none"><li>• Peserta Layak yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam <b>Klausa-Klausa 9 hingga 10 dan melakukan 15 Transaksi Layak</b> dalam setiap Bulan Kempen akan disenarai pendekkan sebagai "<b>Pemenang Pulangan Tunai Bulanan Berpotensi</b>".</li></ul>

	<p>Bulan Kempen 3: 1<sup>hb</sup> November 2025 – 30<sup>hb</sup> November 2025</p> <p>Bulan Kempen 4: 1<sup>hb</sup> Disember 2025 – 31<sup>hb</sup> Disember 2025</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemenang Pulangan Tunai Bulanan Berpotensi akan menerima Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") dengan soalan yang dikemukakan kepadanya dalam tempoh sembilan (9) minggu dari akhir Bulan Kempen tertentu. SMS yang dihantar kepada Pemenang Pulangan Tunai Bulanan Berpotensi akan berdasarkan nombor telefon bimbit yang diberikan oleh Pemenang Pulangan Tunai Bulanan Berpotensi kepada CIMB dan yang dikekalkan dalam rekod CIMB.</li> <li>250 Pemenang Pulangan Tunai Bulanan Berpotensi terpantas yang menjawab dengan jawapan yang betul kepada soalan yang dikemukakan dalam SMS tersebut akan diisyiharkan sebagai "<b>Pemenang Pulangan Tunai Bulanan</b>".</li> <li>Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB adalah muktamad, mengikat dan konklusif.</li> <li>Sebanyak 250 Pemenang Pulangan Tunai Bulanan akan dipilih setiap Bulan Kempen.</li> </ul>
--	---	--

14. CIMB tidak mempunyai kewajipan untuk memberitahu Peserta Layak sebaik sahaja jumlah amaun Pulangan Tunai (dirujuk dalam **Klausa 7** di atas) telah habis sepenuhnya pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen, sama ada sebelum atau selepas tamatnya.

#### Pemenuhan

15. Walau apa pun yang dinyatakan di sini yang bertentangan, CIMB berhak untuk menerbitkan nama Pemenang dan nombor Kad Pengenalan mereka (4 angka terakhir) melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my)
16. Pemenang Pulangan Tunai Bulanan akan dimaklumkan tentang kemenangan mereka dan Hadiah yang dimenangi dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen (atau tempoh lain yang mungkin dimaklumkan oleh CIMB) melalui satu atau lebih kaedah berikut, mengikut budi bicara mutlak CIMB: (a) e-mel; (b) SMS; (c) Notifikasi Tolakan ('Push Notification') melalui Aplikasi CIMB OCTO; atau (d) sebarang kaedah pemberitahuan lain yang ditentukan oleh CIMB.
17. Hadiah Pemenang Pulangan Tunai Harian dan Pemenang Pulangan Tunai Kejutan akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan mereka pada penghujung hari selepas tarikh Transaksi Layak yang berkaitan dan akan selepas itu dimaklumkan melalui satu atau lebih kaedah yang dinyatakan pada **Klausa 16** di atas. Dalam kes luar biasa, proses ini mungkin mengambil masa sehingga dua (2) minggu. Pulangan tunai akan dikreditkan dengan deskripsi berikut: CA/SA BONUS/INCENTIVE REWARD.
18. Bagi Pulangan Tunai Bulanan, Hadiah pulangan tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang dalam masa dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
19. Semua Pemenang hendaklah, sebagai tambahan kepada pemberitahuan yang dinyatakan dalam **Klausa-Klausa 16** dan **17** di atas, menerima e-mel pada akhir setiap Bulan Kempen semasa Tempoh Kempen memaklumkan mereka tentang kemenangan mereka pada bulan tersebut.

20. Untuk mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi yang dikenakan hendaklah ditanggung oleh Pemenang (termasuk sebarang caj perayauan yang dikenakan terhadap Pemenang di luar Malaysia) akibat daripada CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk perkara yang sama.
21. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor telefon bimbit mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami sekiranya nombor telefon bimbit Peserta Layak di dalam rekod CIMB bukan terkini atau tidak dikemas kini.
22. Pemenang juga mesti mempunyai Akaun Penyertaan yang aktif dan sah di Malaysia pada masa pemenuhan Hadiah. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Penyertaan yang telah ditamatkan/digantung/disekat/dibekukan/tidak aktif atau atas apa-apa sebab sekalipun pada masa pemenuhan akan dianggap "*tidak aktif*" untuk tujuan Kempen ini dan Hadiah yang dianugerahkan kepada Pemenang tersebut akan dilucut hakkan. Sekiranya berlaku perlucutan hak, tiada Pemenang tambahan akan dipilih untuk tujuan Kempen ini.
23. Selain itu, Akaun Penyertaan Pemenang: (a) MESTI tidak melanggar Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan/atau mana-mana perjanjian lain yang mentadbir Akaun Penyertaan; DAN (b) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain yang diberi kuasa oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti mana yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak, Hadiah yang beliau layak kepada akan dilucut hakkan.
24. Hadiah tidak boleh dipindahmiliki kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) yang lain dan tidak boleh ditukar dengan Hadiah lain yang mempunyai nilai setara atau mana-mana alternatif lain. Di mana berkenaan, Hadiah hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan sah Peserta Layak dan pengkreditan Hadiah akan dicerminkan dalam penyata bulanan berikutnya untuk Akaun Penyertaan tersebut. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah kepada mana-mana akaun CIMB beliau yang lain, atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan bank lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
25. CIMB merizabkan hak untuk melucut hakkan Hadiah sekiranya selepas tamat Tempoh Kempen, jumlah Pemenang yang dipilih tidak mencukupi (seperti yang dinyatakan pada **Klausula 7** di atas). Tiada Pemenang tambahan akan dipilih untuk tujuan tunggal menghabiskan jumlah Pulangan Tunai tersedia. CIMB juga berhak untuk melucut hakkan Hadiah jika terdapat pembalikan pembayaran untuk Transaksi Layak yang dilakukan oleh Pemenang selepas Hadiah telah diberikan.
26. Untuk mengelakkan keraguan semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah, adalah tanggungjawab tunggal Pemenang.
27. Dengan menerima Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan ahli gabungannya serta pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti berkenaan dengan: -
  - (i) penyertaan dalam Kempen; atau
  - (ii) penerimaan atau pengunaan Hadiah,
 oleh Peserta Layak. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
28. CIMB tidak menerima tanggungjawab terhadap sebarang implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Hadiah kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemenang. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas tentang implikasi berpotensi yang mungkin ada pada situasi kewangan beliau sendiri.
29. Akaun CASA/-i CIMB dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

#### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

30. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka: -
  - a. dikehendaki membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;

- b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
- c. mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang menjelaskan kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
- d. bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak kepada CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
- e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
- f. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:-
- i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
  - ii. kegagalan elektrik;
  - iii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
  - iv. apa-apa bencana alam ("Act of God") di luar kawalan CIMB; atau
  - v. apa-apa faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB.
31. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah: -
- a. Peserta Layak telah memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Penyertaan Peserta Layak;
  - b. Akaun Penyertaan Peserta Layak telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
  - c. Akaun Penyertaan Peserta Layak adalah delinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
32. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah: -
- a. mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
  - b. bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
33. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau mengantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalender kepada Peserta Layak melalui: -
- a. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - b. notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - c. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
  - d. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.
34. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos, atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada: -
- a. penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini; dan/atau
  - b. sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS atau eDM oleh Peserta Layak,
- melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkanan sengaja CIMB.
35. a. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender kepada Peserta Layak melalui: -

- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - iii. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
  - iv. iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
  - v. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b. Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat pada Peserta Layak dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- c. Sekiranya perubahan diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan (“**Peraturan**”) maka mereka akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
36. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
37. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada: -
- a. penyertaan dalam Kempen ini; dan/atau
  - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah; dan/atau
  - c. kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini,
- oleh Peserta Layak.
38. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini: -
- a. hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
  - b. hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
39. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkenaan di mana CIMB tertakluk.
40. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak CIMB lain pada masa hadapan.
41. Peserta Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Kempen ini.
42. Jika produk/perkhidmatan berkaitan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Peserta Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan Peserta Layak yang ada akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank, kebimbangan Peserta Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic Bank.
43. a. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“**CRU**”) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:
- Alamat: Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
No. Telefon: +603 6204 7788  
No. Faksimile: +603 2691 3248  
E-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)
44. Peserta Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan CIMB untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syaratnya di No. Telefon: +603 6204 7788 atau e-mel kepada [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)

45. CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB
- [Tamat]**